

D972

U B097 DEB
MAHATHIR - PENGURUSAN R R R

KUANTAN, 27 DIS (BERNAMA) -- KERAJAAN MENDAPATI KEGAGALAN USAHAWAN BUMIPUTERA SEBAHAGIAN BESARNYA BERPUNCA DARIPADA KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN PERNIAGAAN; KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI.

LATIHAN DALAM BIDANG PENGURUSAN YANG DIANJURKAN OLEH KERAJAAN TIDAK MENDAPAT SAMBUTAN DARIPADA USAHAWAN-USAHAWAN BUMIPUTERA; KATA PERDANA MENTERI.

ANALISIS KERAJAAN MENDAPATI BAHAWA TIDAK BEGITU TEPAT UNTUKNYA MEMBERIKAN SEGALA KEMUDAHAN KEPADA USAHAWAN BUMIPUTERA DAN BERHARAP PERNIAGAAN BOLEH MAJU; KATANYA PADA MAJLIS MAKAN MALAM SEMPERA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA (DPPMM) DI SINI, MALAM INI.

+KITA BERPENDAPAT MASALAH USAHAWAN BUMIPUTERA IALAH MEREKA TIADA KEMUDAHAN; TIADA LESEN; MODAL; TEMPAT NIAGA DAN KITA USAHAKAN UNTUK MENDAPATKAN DARIPADA KERAJAAN PERKARA-PERKARA YANG MEREKA ANGGAP KEKURANGAN;+ KATANYA.

+JIKA TIADA LESEN KITA BERI LESEN; TIADA TEMPAT NIAGA; KITA BINA TEMPAT NIAGA; JIKA TIDAK DAPAT MEMPEROLEHI KONTRAK AWAM; KERAJAAN BERIKAN KONTRAK; NAMUN PENCAPAIAN BUMIPUTERA TIDAK JUGA BAIK; MAKA KITA TANYA MUNGKIN ADA PERKARA LAIN.+

+DAN KITA DAPATI YANG AGAK KEKURANGAN IALAH DALAM BIDANG PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN SAYA BERPENDAPAT; KELEMAHAN INILAH YANG MENYEBABKAN KEGAGALAN DI KALANGAN USAHAWAN;+ KATA BELIAU. -- LAGI.
2323MST 27 12 89

U B098 DEB
MAHATHIR - PENGURUSAN 2 KUANTAN R R R

MALANGNYA KATA DATUK SERI DR MAHATHIR; KERAJAAN SUDAH BANYAK KALI. CUBA MEMBERIKAN LATIHAN TETAPI TIADA MENDAPAT SAMBUTAN.

BELIAU MEMBERIKAN CONTOH PEMBINAAN KOMPLEKS DAYABUMI YANG KONTRAK PEMBINAANNYA DISERAHKAN KEPADA KONTRAKTOR JEPUN.

KONTRAKTOR BERKENAAN TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA USAHAWAN BUMIPUTERA UNTUK MEMPELAJARI CARA PEMBINAAN KOMPLEKS TERSEBUT TETAPI TIADA SESIAPA YANG MAHU MEMPELAJARINYA; KATANYA.

+JUGA APABILA KITA MENJEMPUT JURUTERA-JURUTERA UNTUK MELIHAT BAGAIMANA JEPUN BOLEH MENJALANKAN TUGAS DENGAN BAIKNYA... TIADA SAMBUTAN LANGSUNG; MASING-MASING SIBUK;+ KATANYA.

BELIAU JUGA MENYEBUT TENTANG KESULITAN KONTRAKTOR NEGARA INI MENJALANKAN KONTRAK DI NEGARA ASING SEPERTI DI MADINAH PADA SATU KETIKA DULU SEDANGKAN KONTRAKTOR JEPUN DAN KOREA; YANG TIDAK MEMAHAMI SISTEM KERJA DAN KONTRAK DI NEGARA INI DAPAT MENGURUSKAN BINAAN BANGUNAN DALAM JANGKA MASA YANG DIJANJIKAN.

+SUDAH TENTU ADA BEBERAPA PERKARA YANG KITA BOLEH BELAJAR (DARI JEPUN DAN KOREA) TETAPI SAYA AMAT DUKACITA; APABILA KITA DIBERI PELUANG UNTUK BELAJAR; MASING-MASING KATA TIDAK ADA MASA;+ KATANYA LAGI. -- LAGI.

2325MST 27 12 89

R B099 DEB
MAHATHIR - PENGURUSAN 3 KUANTAN R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG PENCAPAIAN 19 PERATUS BUMIPUTERA DALAM PEMILIKAN SAHAM YANG MENURUTNYA PRESTASI YANG BEGITU KECIL JIKA DIBANDINGKAN DENGAN PELABURAN YANG TELAH KERAJAAN LAKUKAN.

MALAH KATANYA, 15 PERATUS DARIPADANYA ADALAH MENERUSI USAHA AGENSI-AGENSI BUMIPUTERA YANG KERAJAAN TUBUHKAN DAN KEBANYAKAN PEMILIKAN SYARIKAT-SYARIKAT PULA ADALAH YANG TIDAK MENGUNTINGKAN.

BELIAU SETERUSNYA BERKATA KELONGGARAN TERTENTU DI BAWAH DASAR EKONOMI BARU (DEB) TELAH MENGHASILKAN USAHAWAN YANG BERHUTANG DAN BANGKRAP.

+KITA SOAL SAMA ADA DEB MEMBAWA KEBAIKAN KEPADA KITA... KALAU DULU KITA TIDAK DIBURU OLEH BANK, SEKARANG DIBURU OLEH BANK,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MEMINTA PARA USAHAWAN MENILAI DIRI SENDIRI SERTA Mencari KESALAHAN SENDIRI, MEMPERBETULKANYA DAN BELIAU YAKIN, MEREKA AKAN BERJAYA.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMAD ALI, TIMBALAN MENTERI BESAR PAHANG DATUK HAJI ABDUL AZIZ ABDUL RAHMAN DAN YANG DIPERTUA DPPMM YANG DIPILIH SEMULA, SENATOR DR NAWAWI MAT AWIN. -- BERNAMA.

2341MST 27 12 89